

13/07/1999

PM mahu gambaran sebenar negara dibantu IMF

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu gambaran sebenar mengenai keadaan ekonomi negara-negara yang menerima bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) didedahkan kerana berlaku perbezaan kenyataan badan itu dengan laporan media antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, ada laporan terbaru sebuah majalah antarabangsa mengenai Thailand yang benar-benar berbeza dengan yang apa digambarkan oleh IMF.

"Saya nak tahu apa sebenarnya berlaku apabila mereka kata ekonomi (negara yang dibantu IMF) mula pulih, apakah benar-benar ia pulih? Ada rencana mengenai Thailand yang benar-benar berbeza daripada apa yang digambarkan IMF.

"Jadi saya nak tahu apa yang sebenarnya berlaku. Saya percaya pengangguran masih tinggi, banyak projek tidak boleh dilaksanakan, banyak bangunan kosong dan sebagainya. Berilah gambaran sebenar. Jadi, kita boleh nampak dan boleh buat perbandingan antara mereka (negara) yang sepatutnya pulih dengan apa yang berlaku di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam wawancara yang disiarkan stesen penyiaran CNBC melalui rancangan 'CNBC's Asia Market Wrap' petang ini.

Perdana Menteri diwawancara oleh Rico Hizon kira-kira 30 minit mengenai ekonomi dan politik, khususnya mengenai ringgit, kawalan modal serta pilihan raya umum akan datang.

Ditanya mengenai spekulator mata wang antarabangsa yang kemungkinan menunggu peluang melakukan serangan terbaru di Asia, Dr Mahathir berkata: "Di bawah rejim sekarang, masih ada kemungkinan bagi mereka untuk menggugat keseluruhan ekonomi negara terbabit."

Beliau berkata, Malaysia terus mempertahankan keputusan mengenakan kawalan modal, nilai ringgit dan kadar tukaran mata wang asing yang tetap kerana ia masih terdedah kepada beberapa bentuk manipulasi.

Perdana Menteri turut menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa kawalan terhadap mata wang menyebabkan pelabur lari, selain menghalang syarikat Malaysia menyertai pasaran global.

"Saya fikir tidak. Apabila kita ada mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC), mereka semua minat untuk datang. Malah, ramai yang minat membuat pelaburan jangka panjang. Pelabur jangka pendek juga datang walaupun ada kawalan mata wang. Jadi, saya tidak fikir itu akan menghindarkan pembabitkan pelabur asing dalam ekonomi kami.

"Saya tidak tahu kenapa penganalisis tidak gembira," katanya sambil menyifatkan mereka memberi gambaran buruk bahawa Malaysia bukan pusat pelaburan yang menarik.

Ditanya sama ada sudah sampai masanya Malaysia menarik balik terhadap kawalan modal, nilai ringgit dan kadar tukaran mata wang asing yang tetap, Dr Mahathir berkata, beliau tidak nampak kenapa Malaysia harus mengubah apa yang dikatakan 'kawalan' yang dikuatkuasakan sebab ia memberi kita banyak kebaikan bukan memburukkan negara.

Malaysia, katanya, hanya akan menarik balik kawalan itu jika rejim kewangan antarabangsa diubah, termasuk sehingga tiada lagi spekulasi mata wang dan ada ketelusan.

Pada masa yang sama, katanya, Malaysia tidak akan terburu-buru mengubah struktur perbankan bagi mengelakkan gangguan dalam sistem berkenaan, malah ada di antaranya lebih baik daripada negara lain.

"Penstrukturan semula tidak harus dilakukan terburu-buru kerana ia boleh

mengganggu sistem. Kita mesti melakukannya secara progresif dan tanpa terburu-buru. Kita masih ada masa yang banyak," katanya.

Perdana Menteri turut membidas penganalisis asing yang berterusan memberi pandangan buruk di sebalik usaha Malaysia dalam menstruktur semula korporat dan perbankan serta usaha negara memulihkan ekonominya.

"Penganalisis sentiasa mengatakan yang negatif mengenai apa yang kita lakukan dan mereka akan terus berbuat demikian, tetapi apa yang penting bagi kami ialah untuk melihat angka petunjuk sama ada ekonomi dan bank bertambah baik," katanya.

Ditanya mengenai keperluan Malaysia untuk kembali ke pasaran bon antarabangsa, Dr Mahathir berkata: "Pada masa ini, kita tidak perlu dana, tidak ada keperluan untuk kita memasuki semula pasaran bon."

Menurutnya, Malaysia selesa dengan terbitan bon di New York baru-baru ini bernilai AS\$1 bilion (RM3.8 bilion).

(END)